

# Perkahwinan dengan Wanita Ahli Kitab menurut Ijtimah ‘Umar bin al-Khattab

## [Marriage with a Woman of Ahli Kitab according to Ijtimah ‘Umar bin al-Khattab]

**BITARA**

Volume 5, Issue 2, 2022: 1-10  
 © The Author(s) 2022  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
 Received: 23 March 2022  
 Accepted: 21 April 2022  
 Published: 30 April 2022

Jufriadi Ramli<sup>1</sup> & Ilnor Azli Ibrahim<sup>1\*</sup>

1 Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, BRUNEI.  
 E-mail: jupriadiramli@gmail.com; azli.ibrahim@unissa.edu.bn

\* Corresponding Author: azli.ibrahim@unissa.edu.bn

### Abstrak

Keharusan berkahwin dengan wanita Ahli Kitab telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran. Namun selepas itu Umar bin Khattab telah melarang para sahabat di zaman pemerintahannya untuk berkahwin dengan wanita Ahli Kitab. Para ulama dari berbagai mazhab selepas itu berselisih pendapat dalam isu ini dengan berbagai dalil sama ada menolak atau menerima. Kajian ini akan melihat kekuatan ijtimah Umar bin Khattab dalam isu ini dan apakah sandaran beliau dalam larangan tegas yang dikenakkannya kepada para sahabat pada ketika itu. Metode yang digunakan ialah deskriptif analisis untuk mengkaji ijtimah Umar bin Khattab yang zahirnya seperti bertentangan dengan nas al-Qur'an. Ijtimah beliau akan dinilai dari sudut maqasid syariah untuk mengenalpasti tujuan hukum dari ijtimah tersebut. Kajian ini mendapati bahawa banyak hasil ijtimah Umar bin Khattab di antaranya larangan perkahwinan dengan wanita Ahli Kitab adalah ijtimah yang tepat untuk zamannya. Umar bin Khattab juga amat memahami mafhum sesuatu nas yang dari kategori yang menerima perubahan hukum. Beliau akan meneliti makna sesuatu nas lalu menyesuaikannya dengan konteks semasa.

**Kata kunci:** Ijtimah, Umar bin Khattab, Ahli Kitab, Perkahwinan.

### Abstract

The necessity of marrying a woman of Ahli kitab has been clearly stated in the Qur'an. But after that Umar bin Khattab had forbidden the companions during his reign to marry women of Ahli kitab. Scholars of various schools of thought have since disagreed on this issue with various arguments either rejecting or accepting. This study will look at the strength of Umar bin Khattab's ijtimah on this issue and what he relied on in the strict prohibition he imposed on the Companions at that time. The method used is descriptive analysis to examine Umar ibn Khattab's ijtimah which seems to contradict the Qur'anic text. His ijtimah will be assessed from the angle of maqasid sharia to identify the legal objectives of his ijtimah. This study finds that many of the results of Umar bin Khattab's ijtimah, including the prohibition of marriage with women of Ahli kitab, were appropriate ijtimah for his time. Umar ibn Khattab was also well versed in the mafhum of texts that are of a category that accepts changes in the law. He would research the meaning of a text and then adjust it to the context of his time.

**Keywords:** Ijtimah, Umar bin Khattab, Ahli Kitab, Marriage

#### Cite This Article:

Jufriadi Ramli & Ilnor Azli Ibrahim. 2022. Perkahwinan dengan wanita Ahli Kitab menurut ijtimah ‘Umar bin al-Khattab [Marriage with a woman of Ahli Kitab according to ijtimah ‘Umar bin al-Khattab]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(2): 11-22.

## Pengenalan

‘Umar ialah putera al-Khattab bin Nufayl bin ‘Abd al-‘Uzza bin Rayah bin ‘Abdullah bin Qurt bin Rizah bin Adi bin Ka’ab bin Lu’ay bin Ghalib al-Qurashi al-Adawi. Ibunya adalah Hantamah binti Hashim bin al-Mughirah bin ‘Abdullah bin ‘Umar bin Makhzum. (‘Umar & al-Sallabi 2019). ‘Umar terkenal sebagai seorang yang gagah dan berpengaruh serta dihormati orang. Kerana itu Rasulullah Shallahu alaihi wasallam merasa optimis terhadap masa hadapan umat Islam jika Umar memeluk ugama Islam. Berikut doa Rasulullah SAW terhadap ‘Umar:

اللَّهُمَّ أَعِزَّ إِلَيْكَ إِنِّي بِعَمْرِ بْنِ الْخَطَّابِ أَوْ بِأَبِي جَهْلٍ بْنِ هَشَّامٍ

Maksudnya: Ya Allah muliakanlah Islam dengan salah seorang yang paling kamu cintai dari dua orang ini ‘Umar bin al-Khattab atau Abu Jahl bin Hisham. (Hibban 2014)

Mullah al-Qari menyebutkan, setelah Rasulullah Shallahu alaihi wasallam mendapat wahyu bahawa keislaman Abu Jahl tidak mungkin terjadi, maka Rasulullah s.a.w. mengkhususkan doanya untuk Umar bin al-Khattab. (Isa 2009) Oleh itu Rasulullah Shallahu alaihi wasallam sendiri pernah bersabda (Khan 2009):

فَلَمْ أَرْ عَبْرِيَا مِنَ النَّاسِ يَفْرِي فَرِيهِ.

Maksudnya: Aku tidak pernah melihat seorang cerdik dari umat manusia yang melakukan suatu pekerjaan sebagaimananya (Umar).

Di samping kecerdasan akal, beliau juga memiliki pengetahuan yang luas tentang agama Allah, Rasulullah Shallahu alaihi wasallam sendiri telah mempersaksikan perkara ini seperti yang diriwayatkan di dalam hadith berikut (Arabia 2009):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: بَيْنَمَا أَنَا نَائِمٌ إِذْ رَئَيْتُ قَدْحًا  
قَالُوا: فَمَا أَوْلَتْ ذَلِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: الْعِلْمُ.

Maksudnya: Dari Abd Allah bin Umar (r.a.) bahawasanya Rasulullah Shallahu alaihi wasallam bersabda: ketika sedang tidur, aku bermimpi melihat sebuah bejana berisi susu dihidangkan kepadaku. Aku pun meminumnya sampai ia mengalir di celah-celah kuku-kukuku. Sisanya aku berikan kepada ‘Umar bin Khattab. Para sahabat bertanya: Bagaimana tafsiranmu mengenai mimpi itu wahai Rasulullah? Beliau menjawab: itu adalah ilmu. (Arabia 2009)

Setelah memerintah negara selama kurang lebih 10 tahun, beliau wafat pada subuh Ahad, bertepatan tarikh 1 Muharam 24H, akibat tikaman Abu Lu’lu’ah seorang lelaki keturunan Parsi.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan (*library research*) iaitu: kegiatan yang berkenaan dengan metode pengumpulan data pustaka, selain menggunakan kajian kepustakaan, Metode yang digunakan ialah deskriptif analisis untuk mengkaji ijтиhad Umar bin Khattab yang zahirnya seperti bertentangan dengan nas al-Qur'an. Ijтиhad beliau akan dinilai dari sudut *maqasid syariah* untuk mengenal pasti tujuan hukum dari ijтиhad beliau tersebut.

Kerana penyelidikan ini merupakan kajian kepustakaan, maka teknik pengumpulan data dapat dilakukan dengan menggabungkan pemerhatian dan analisis dalam belajar. Adapun metode analisis yang pengkaji gunakan dalam kajian ini mengungkapkan pendapat-pendapat mengikut garis pandu positif. Pendekatan ini digunakan untuk menelaah pendapat-pendapat ulama terhadap perkahwinan dengan Ahli kitab menurut ijтиhad Umar bin Khattab. (Abdussamad 2021)

## 'Umar bin al-Khattab dan Ijtihad

Sebagaimana yang dimaklumi melalui Rasulullah Sallahu alaihi wasallam dalam hadith yang lepas ini, Umar merupakan seorang ilmuwan dan mujtahid yang sangat tajam pandangannya dalam memahami maqasid al-Syariah. Di samping itu beliau sangat kuat berpegang kepada al-Qur'an dan terkenal sangat teguh dalam memelihara agama dan kemurniannya.

Sebagai sahabat yang cerdas serta mempunyai pengetahuan yang sangat luas tentang al-Qur'an dan keadaan sosial yang berkembang di zamannya, Umar bin Khattab mampu menerapkan hukum-hukum syariah sejalan dengan keperluan zaman dan sesuai dengan *maqasid al-Syariah*. Oleh itu, ketetapan hukum yang diambilnya tidak ada yang bertentangan dengan al-Qur'an. Bahkan landasan berfikirnya adalah al-Qur'an sendiri dan *maqasid al-Shari'ah* yang dihubungkaitkan dengan suasana yang berkembang di masanya.

Untuk melihat lebih jelas lagi tentang pemahaman beliau yang mendalam tentang *maqasid al-Syariah* dan peranannya dalam menetapkan hukum Islam sesuai dengan perkembangan zaman dan tempat, pada bab ini akan menganalisis ijтиhad Umar bin Khattab tentang larangan Perkahwinan lelaki muslim dengan perempuan Ahli kitab.

## Pengertian dan Teori Ijtihad

Ijtihad secara harfiyah merupakan bentuk masdar dari kata kerja *ijtahada - yajtahidu - ijtihāddan* yang bererti mencurahkan segala kemampuan dan menanggung beban, menurut imam al-Ghazali dalam *al-Mustasyfa min Ilmi al-Usul* memberikan definisi ijтиhad sebagai:

بذل المجتهد وسعه في طلب العلم بأحكام الشرعية

Maksudnya: Kesungguhan mujtahid untuk mencurahkan kemampuan maksimal untuk menemukan hukum-hukum syariah (Luis & Moncayo 2020)

Saifudin al-Amidi memberikan definisi ijтиhad sebagai berikut:

استقرار الوعي في طلب الظن لشيء من الأحكام الشرعية على وجه يحس من النفس العجز عن المزيد  
فيه

Maksudnya: Mencurahkan segala kemampuan dalam mencari hukum-hukum syariah yang bersifat (*dzanni*) prasangka dalam batas-batas sampai pada keyakinan bahawa dirinya tidak mampu lagi berusaha dari itu (Amidi 2003).

Manakala ijтиhad secara istilah menurut *ushuliyyin* telah diungkapkan oleh al-Amidi ialah upaya bersungguh-sungguh dalam menggali hukum syariah sehingga kepada keadaan tidak mampu lagi melakukan lebih dari pada itu (Amidi 2003) Sebahagian fuqaha mengatakan ijтиhad adalah *qiyas*. Namun, Imam al-Ghazali mengatakan definisi seperti itu adalah salah kerana ijтиhad menurut beliau lebih umum dari pada *qiyas* (Zuhaili 1999) Sedangkan ijтиhad menurut ahli fikih merujuk kepada seorang yang *faqih* yang mencuba sedaya upayanya untuk mengeluarkan hukum syariah secara praktikal dan berkesan dengan cara membuat kesimpulan daripada dalil-dalil syariah (Miswanto 2019).

Dalam pelbagai kitab usul al-Fiqh, tiada perbezaan pendapat di antara ulama dalam mendefinisikan ijтиhad secara bahasa. Secara redaksinya, satu sama lain terdapat perbezaan, meskipun secara prinsip mereka sepakat bahawa ijтиhad, secara bahasa, bererti kekuatan atau keupayaan di mana dengan berusaha bersungguh-sungguh dan mengerahkan seluruh tenaga untuk mencapai sesuatu ( Zuhaili 1999).

Daripada pelbagai erti yang dikemukakan oleh para ulama, maka dapat diambil kesimpulan bahawa ijтиhad adalah mengarahkan segenap kemampuan dari seorang *faqih*.

## Dalil-dalil yang Membolehkan Ijтиhad

Ijтиhad pada dasarnya berasal daripada syariat, berdasarkan kepada dalil yang disebutkan secara langsung atau secara tidak langsung. Firman Allah S.W.T dalam surat al-Nisa' ayat 105:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَيْكُمُ اللَّهُ وَلَا تَكُونُ لِلْخَانِينَ حَصِيمًا

Maksudnya: Sesungguhnya kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyunya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat.

Ayat di atas mengandungi ketetapan-ketetapan ijтиhad dengan jalan *qiyas*. Kemudian dalam ayat lain Allah berfirman dalam surat al-Ra'du ayat 13:

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يَعْلَمُ بِتَقْرِيرِهِنَّ

Maksudnya: Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang mahu berfikir.

Manakala dalil dari pada sunnah sebagaimana yang dijadikan dalil oleh Imam Syafi'i daripada hadith yang diriwayatkan oleh 'Amru bin 'As.

عَنْ عَمْرُو بْنِ الْعَاصِ، أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ فَلَهُ أَجْرٌ، وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ

Maksudnya: Dari Amr bahawa dia mendengar Rasulullah Saallahu alaihi wasallam bersabda: apabila seorang hakim berhukum maka berijtihad kemudian benar maka mendapat dua pahala dan apabila seorang hakim berijtihad kemudian salah maka mendapat satu pahala (Khan 2009)

## Ijtihad Umar dalam Isu Perkahwinan dengan Perempuan Ahli Kitab

Ijtihad Umar Bin Khattab pada dasarnya sangat berpegang terhadap al-Qur'an dan hadith yang menjadi rujukan dasar hukum Islam. Hal ini terlihat daripada sikapnya dalam memerangi orang-orang yang menyimpang dari syariah Islam. Adapun apabila ada ketetapan Umar bin Khattab yang tampaknya menyimpang dari nas, sejatinya adalah menggunakan pertimbangan aplikasi (*tathbiq*) suatu hukum untuk merealisasikan tujuan-tujuan syara' (*maqasid al-Syari'ah*).

Pertimbangan *tathbiq* ertiannya, berijtihad untuk menentukan hukum, tidak terbatas memperhatikan sumber-sumber hukum seperti nas-nas al-Qur'an dan hadith, akan tetapi yang terpenting adalah memperhatikan tujuan-tujuannya. Kerana tujuan dari pada syarak adalah mewujudkan kemaslahatan manusia dengan mempertimbangkan kemaslahatan yang ada, baik yang berupa *dharuriyat*, mahupun *tahsiniyat*, lebih-lebih dalam bidang *dharuriyat* yang terkandung dalam *dharuriyat al-khamsah*. Setiap aksi yang dilakukan Umar bin Khattab bukan bermaksud meninggalkan nas-nas syarak, tetapi justeru didasari keinginan untuk mengaplikasikannya.

Salah satu ijihad Umar bin Khattab adalah persoalan perkahwinan dengan perempuan Ahli Kitab. Pada dasarnya secara nas al-Qur'an membolehkan perkahwinan dengan perempuan Ahli Kitab, sebagaimana firman Allah dalam al-Qur'an surat al-Maidah ayat 5:

الْيَوْمَ أَجَلَ لَكُمُ الطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ حَلٌّ لَّكُمْ وَطَعَامُكُمْ حَلٌّ لَّهُمْ وَالْمُحْسَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْسَنَاتُ مِنَ الْأَدِيْنَ أَوْتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ مُحْصِنِينَ عَيْرَ مُسَافِرِينَ وَلَا مُنْذِرِيْنَ أَخْدَانِ ۝ وَمَنْ يَكُفُّرُ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبَطَ عَمَلَهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya: Pada hari ini dihalalkan bagimu segala (makanan) yang baik. Makanan (sembelihan) Ahlil kitab itu halal bagimu dan makananmu halal (juga) bagi mereka. (Dihalalkan bagimu berkahwin) perempuan-perempuan yang menjaga kehormatan di antara perempuan-perempuan yang beriman dan

perempuan-perempuan yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi kitab suci sebelum kamu, apabila kamu membayar mas kahwin mereka untuk mengahwininya, tidak dengan maksud berzina, dan tidak untuk menjadikan (mereka) pasangan gelap (gundik). Siapa yang kufur setelah beriman, maka sungguh sia-sia amalnya dan di akhirat dia termasuk orang-orang yang rugi.

Para sahabat Nabi dahulu ada beberapa yang berkahwin dengan perempuan Yahudi dan Nasrani. Diantaranya Jabir bin Abdullah dan Saad bin Abi Waqqash ketika penaklukan Kufah. Bahkan ‘Uthman bin ‘Affan juga berkahwin dengan Nailah, yang ketika berkahwin Nailah masih berugama Nasrani, lantas dia beriman dan masuk Islam di tangan Uthman (Malik Bin Anas n.d.)

Sahabat Nabi lain yang berkahwin dengan perempuan Yahudi ialah Thalhah bin Ubaidillah ketika di Syam,(Malik Bin Anas n.d.) Ka’ab bin Malik berkahwin dengan perempuan Yahudi, (al-Shariahsi n.d.) Jarud bin Mualla, Salman al-Farisi, Udzainah al-Abdi.(Qudamah n.d.)

Namun Umar bin Khattab melarang umat Islam di masanya untuk mengahwini dengan perempuan Ahli kitab, sebagaimana yang terdapat beberapa hadith diantaranya:

إذا ثبت هذا فالأولى أن لا يتزوج كتابية. لأن عمر قال للذين تزوجوا من نساء أهل الكتاب: طلقهن. فطلقون إلا حذيفة. فقال له عمر: طلقها. قال: تشهد أنها حرام؟ قال هي جمرة، طلقها. قال: تشهد أنها حرام؟ قال: هي جمرة. ولكنها لي حلال. فلما كان بعد طلقها، فقيل له: ألا طلقتها حين أمرك؟ قال: كرهت أن يرى الناس أنني ركبت أمرا لا ينبغي لي. وأنه ربما مال إليها قلبه ففتنته، وربما كان بينهما ولد فيميل إليها.

Maksudnya: Diriwayatkan, bahawa pada masa khalifah Umar, Khudhaifah pernah berkahwin dengan seorang perempuan Yahudi, maka Umar menegurnya dengan berkata: “Ceraikan dia, sesungguhnya dia adalah bara api.” Khudhaifah bertanya: “Apakah itu haram?” Umar menjawab: “Tidak”. Kerana jawabannya seperti itu, maka Khudhaifah tidak langsung menceraikannya, sampai pada suatu saat Khudahifah menceraikannya sendiri. Lalu Khudhaifah ditanyai: “Mengapa kamu tidak menceraikannya ketika diperintah oleh Umar?” Khudhaifah menjawab: “Aku tidak ingin orang banyak melihatku melakukan sesuatu yang tidak patut kulakukan. (Qudamah n.d.)

Dalam nas hadith yang lain juga menyebutkan:

حدثي أبي قال حدثنا محمد بن جعفر قال حدثنا سعيد عن قنادة أن حذيفة بن اليمان وطلحة بن عبيد الله والجارود بن المعلى وأدنينة العبدى تزوج كل واحد منهم امرأة من أهل الكتاب، فقال لهم عمر بن خطاب طلقوا كلهم إلا حذيفة فقال له عمر طلقها قال تشهد أنها حرام قال هي جمرة طلقها هي جمرة طلقها قال تشهد أنها حرام قال لقد علمت أنها جمرة ولكنها لي حلال فأبي أن يطلقها فلما كان بعد طلقها فقيل له ألا كنت طلقتها حين أمرك عمر قال لا كرهت أن يظن الناس أنني ركبت أمرا لا ينبغي لي

Maksudnya: Ayah saya mengatakan kepada kami Muhammad bin Ja'far memberitakan kepada kami Sa'id mengatakan tentang Qatadah bahawa Hudzaifah bin Yaman dan Talhah bin Ubaidillah dan Jarud bin Ma'alli dan Uzainah al-Abdi masing-masing dari mereka berkahwin dengan seorang perempuan dari Ahli Kitab, maka Umar bin Khattab berkata kepada mereka ceraikanlah mereka, dan mereka semua menceraikannya kecuali Hudzaifah, maka Umar pun berkata kepada Hudzaifah : ceraikanlah dia. Hudzaifah pun bertanya kepada Umar, apakah kamu yakin mereka haram? Umar menjawab: Dia adalah bara api, Hudzaifah menjawabnya: Saya sudah mengetahui bahwasanya ia bara api, akan tetapi bagiku dia halal dan Hudzaifah menolak perintah Umar untuk menceraikannya. Namun, setelah Hudzaifah menceraikannya, temannya pun bertanya: Mengapa kamu Hudzaifah tidak menceraikannya ketika Umar menyuruhmu. Hudzaifah pun berkata: "Aku tidak ingin orang banyak melihatku melakukan sesuatu yang tidak patut ku lakukan. (Ahmad Bin Hanbal 2007)

Sedangkan dalam kitab *Ahkam Alal Malal wa Riddah minal Jami' li masail imam Ahmad bin Hanbal* menyebutkan:

أَخْبَرَنِي رُبْهَيْرُ بْنُ صَالِحٍ، قَالَ: حَدَّثَنِي أَبِي، قَالَ: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا سَعِيدٌ، عَنْ قَتَادَةَ: أَنَّ حُدَيْقَةَ بْنَ الْيَمَانَ، وَأَخْبَرَنَا يَحْيَى، قَالَ: حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَهَابِ، قَالَ: حَدَّثَنَا سَعِيدٌ، عَنْ قَتَادَةَ: أَنَّ حُدَيْقَةَ بْنَ الْيَمَانَ، وَطَلْحَةَ بْنَ عُبَيْدِ اللَّهِ، وَالْجَارُودَ بْنَ الْعَلَاءِ، وَأَذْنِيَةَ الْعَبْدِ، تَرَوَجُوا نِسَاءً مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ. قَالَ أَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ: تَرَوَجَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ، فَقَالَ لَهُمْ عُمَرُ بْنُ الْحَطَابِ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: طَلَّفُوهُنَّ. فَطَلَّفُوا كُلُّهُمْ، إِلَّا حُدَيْقَةَ. قَالَ عُمَرُ: طَلَّفَهَا. قَالَ: تَشَهِّدُ أَنَّهَا حَرَامٌ؟ قَالَ: هِيَ خَمْرٌ، طَلَّفَهَا. قَالَ: تَشَهِّدُ أَنَّهَا حَرَامٌ؟ قَالَ: هِيَ خَمْرٌ.

Dalam hadith tersebut Hudzaifah diperintahkan oleh Saidina Umar bin Khattab untuk menceraikan isterinya, namun Hudzaifah menanyakan alasan apa Umar menyuruhnya untuk menceraikannya. Namun Umar menjawab dengan kata-kata “perempuan itu (جمرة) jamrah” iaitu bara api. Alasan Umar tersebut kurang tepat bagi Hudzaifah untuk dijadikan sebagai alasan menceraikan seorang isteri, sehingga Hudzaifah tidak menceraikan pada saat itu. Namun di waktu yang lain Hudzaifah tetap menceraikan isterinya. Maka hasil dari hadith tersebut Umar dan Hudzaifah sepakat bahawa lebih baik tidak berkahwin dengan perempuan Yahudi (Hanbal 2007).

Daripada perintah Umar bin Khattab dan jawapan Huzaifah tersebut dapat difahami bahawa terdapat beberapa pesan penting dari pada nas hadith tersebut. Pertama menurut Ibnu Qudamah (جمرة) jamrah mempunyai dua erti iaitu:

- kegelapan, atau kezaliman (الجملة الشديدة) Ibnu Manzur n.d.)
- Potongan api yang menyala (Mustafa n.d.)

Sedangkan dalam kitab imam Ahmad bin Hanbal menyebut dengan kata (خمرة) khamrah (Ahmad bin Hanbal 2007).

- a. الخمرة: ما أسكر من عصير العنب أو عام كالخمرة وقد يذكر والعلوم أصح لأنها حرمت

Yang memabukkan akibat hasil dari penyulingan anggur atau pada umumnya adalah Khamar itu sendiri. Telah disebutkan bahawa pada dasarnya bersifat haram (Ibnu Manzur n.d.).

- b. والخمرة وهو كل ما خامر العقل

Segala sesuatu yang membuat akal menjadi rancu (Ibnu Manzur n.d.).

Dari beberapa erti *jamrah* dan *khamrah* semuanya menunjukkan makna dengan tujuan yang sama, iaitu larangan terhadap sesuatu perbuatan yang mendatangkan bahaya bila tetap dilakukan. Ia seumpama bara api, yang serupa dengan api neraka. Pandangan Umar bin Khattab terhadap perkahwinan lelaki yang berkahwin dengan perempuan Ahli Kitab pada masa itu adalah tercela, beliau mengumpamakan seperti bara api. Secara umum ia menunjukkan keharaman, walaupun Umar bin Khattab tidak mengatakannya secara nas itu haram. Namun dari erti *jamrah* tersebut lebih cenderung kepada sesuatu keharaman. Adapun alasan tersebut melihat kemaslahatan pada masa tersebut.

1. Umar bin Khattab melihat kedudukan Huzaifah sebagai orang yang dikenal dan berkahwin dengan perempuan Yahudi. Banyak orang yang berkahwin dengan perempuan Ahli Kitab kerana kecantikannya, sehingga mereka menjadi fitnah bagi perempuan muslimah, kerana ramai lelaki muslim yang lebih memilih perempuan Ahli Kitab dibandingkan perempuan Muslimah. Keputusan Umar bin Khattab di atas benar-benar menunjukkan penguasaan dan pemahaman beliau terhadap *maqasid al-Syariah*. Dalam menentukan hukum, beliau tidak hanya terikat dengan *zahir* nash sahaja, tetapi juga menyelami permasalahan tersebut melalui hikmah-hikmah perundangan yang ada, ia dikenal dengan istilah (النظر إلى ملائل) iaitu meneliti akibat dan natijah dari pembentukan sesuatu hukum.
2. Dalam nas athar tersebut “Mengapa kamu Hudzaifah tidak menceraikannya ketika Umar menyuruhmu. Hudzaifah pun berkata: “Aku tidak mahu orang lain melihatku melakukan sesuatu yang tidak patut ku lakukan(Ahmad Bin Hanbal 2007) Dalam hal ini menunjukkan peribadi Huzaifah ialah seorang sahabat kepercayaan Rasulullah (S.A.W) yang sangat amanah.(Isa 2009)

*Athar* di atas menunjukkan Huzaifah seorang yang faham hukum, dalam mengambil keputusan yang diperintahkan oleh Umar bin Khattab, beliau tidak hanya terikat dengan perintah Umar bin Khattab sahaja, namun juga melihat kepada *zahir* nas yang membolehkan perkahwinan dengan perempuan Ahli Kitab. Disini Huzaifah mengorbankan kepentingan individu demi kepentingan umum. Ketika menceraikan perempuan Ahli Kitab dengan tidak menceraikannya langsung, namun menunggu masa yang sesuai sehingga ijтиhad Umar bin Khattab sesuai dengan tujuan kemaslahatan pada masa itu, dan sesuai dengan prinsip syariah.

Dalam riwayat yang lain juga terdapat perintah Umar bin Khattab kepada Hudzaifah untuk menceraikan isterinya yang yahudi itu, sebagaimana yang tersebut dalam kitab *as-Sunan al-Kubra* sebagai berikut:

قال: سمعت أبا وائل يقول: تزوج حذيفة رضي الله عنه يهودية فكتب إليه عمر رضي الله عنه أن يفارقها،  
فقال: إنني أخشى أن تدعوا المسلمين وتتکح المؤمنات.

Maksudnya: Saya mendengar Abu Wail berkata: Hudzaifah pernah berkahwin dengan perempuan yahudi. Lantas Umar mengirimkan surat kepadanya untuk menceraikannya. Umar berkata: Saya khuatir orang-orang akan meninggalkan perempuan muslimah dan berkahwin dengan perempuan Ahli Kitab. Umar melarang dalam rangka makruh. Dalam riwayat lain disebutkan, Hudzaifah menjawab: Apakah haram? Umar berkata: Tidak, tetapi Saya khuatir kalian akan mendapatkan perempuan yang jelek dari mereka.(Baihaqi n.d.)

Maksud dalam hadith ini masih sama dengan hadith di atas, iaitu perintah Umar bin Khattab agar Huzaifah segera menceraikan isterinya. Namun dalam hadith ini Umar memberikan alasan yang lebih jelas, iaitu Umar khuatir bahawa lelaki muslim akan lebih banyak berkahwin dengan perempuan Ahli Kitab daripada perempuan muslimah dan juga khuatir akan mendapatkan perempuan dari golongan *mumisat*. Di dalam riwayat yang lain juga disebutkan jika alasan Umar memerintahkan hal tersebut adalah khuatir nanti orang-orang Islam yang lain banyak yang mengikuti apa yang dilakukan oleh Hudzaifah. Sehingga ramai orang yang berkahwin dengan perempuan Ahli Kitab kerana kecantikannya, sehingga mereka menjadi fitnah bagi perempuan muslimah (Zuhaili 1985)

Beberapa perkara menunjukkan adanya kecenderungan nas yang begitu kuat dalam konsep ijтиhad. Adapun ijтиhad Umar bin Khattab adalah sesuatu yang menarik. Umar bin Khattab berani keluar dari nas dengan mempertimbangkan keadaan sosial yang ada. Beberapa alasan yang melatar perubahan hukum dalam ijтиhad Umar bin Khattab, baik sebagai pemikiran tentang implikasi nas ataupun pemikiran yang berkenaan dengan kejadian-kejadian yang terjadi ketika tidak ada nas secara langsung. Akhirnya terlihat bahawa pertimbangan Umar bin Khattab senantiasa tertumpu kepada kemaslahatan.

## **Analisis Ijtihad Umar bin Khattab dalam Isu Perkahwinan dengan Perempuan Ahli Kitab**

Tindakan Umar bin Khattab di atas benar-benar menunjukkan penguasaan dan pemahaman beliau terhadap *maqasid al-Syariah*. Dalam mengambil keputusan hukum, Umar bin Khattab tidak hanya terikat dengan *zahir* nash sahaja, tetapi juga menyelami permasalahan tersebut melalui hikmah-hikmah perundangan yang dikenal sebagai pembentukan sesuatu hukum, inilah yang dinamakan *النظر إلى الملايات*

Berdasarkan hadith-hadith di atas, terdapat beberapa alasan Umar bin Khattab melarang perkahwinan dengan perempuan Ahli Kitab pada zamannya, antaranya ialah:

1. Huzaifah ialah sahabat yang terkenal, berpengaruh dan menjadi sandaran pada masa itu, maka dikhuatirkan lelaki muslim akan meniru Hudzaifah dengan lebih memilih untuk berkahwin dengan perempuan Ahli Kitab berbanding perempuan muslimah.
2. Dibimbangi lelaki muslim akan mendapatkan perempuan yang akidahnya menyimpang sehingga akan berpengaruh juga pada anak keturunan mereka (Wahbah Zuhaili 1985)
3. Dibimbangi lelaki muslim mendapatkan perempuan Ahli Kitab yang lebih buruk akhlaknya daripada perempuan muslimah.
4. Alasan khalifah Umar bin Khattab bahawa saat itu telah banyak umat Islam yang berkahwin dengan perempuan Ahli Kitab sehingga wibawa umat Islam menurun. Di samping itu, dikhuatirkan keturunannya akan meninggalkan Islam.(Wahbah Zuhaili 1999)
5. Dengan berkahwin dengan perempuan Ahli Kitab, maka terlihat bahawa lelaki muslim lebih memuliakan perempuan Ahli Kitab sehingga akan berakibat menurunnya martabat perempuan muslimah di hadapan perempuan Ahli Kitab. Sedangkan dalam Islam menilai bahawa perempuan muslimah lebih mulia dan lebih di utamakan daripada perempuan Ahli Kitab.

Ungkapan Umar yang mengumpamakan perempuan Ahli Kitab itu sebagai bara api (خمرة) mengandungi makna bahawa berkahwin dengan perempuan Ahli Kitab kemungkinan besar boleh mendatangkan bahaya dan mudarat terhadap kerukunan hidup umat Islam yang sedang dalam masa membina kekuatan dan kedamaian. Oleh kerana itu Umar memandang lebih baik menghindari perbuatan-perbuatan yang kemungkinan besar mendatangkan kemudarat. درء المفاسد مقدم على جلب (المصالح) menghindari keburukan lebih baik daripada mengambil manfaat”. Berdasarkan kaedah ini dapat difahami bahawa lebih baik menghindari bahaya-bahaya yang akan timbul dari perempuan Ahli Kitab daripada mengambil manfaat dengan berkahwin dengannya.

Melihat larangan Umar tersebut, menunjukkan bahawa Umar bertujuan untuk menjauhkan umat Islam dari bahaya-bahaya yang ditimbulkan dari perkahwinan dengan perempuan Ahli Kitab ataupun dikenal dengan kaedah (الضرورة بزوال) kemudarat itu mesti dihindari. Kaedah fiqh tersebut sesuai dengan hadith dari Rasulullah Sallahu alaihi wasallam (لا ضرار ولا ضرار) jangan melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan jangan pula memudaratkan orang lain.

Umar bin Khattab melihat bahawa kerosakan besar akan menimpa masyarakat Islam pada masanya apabila mereka dibiarkan berkahwin dengan perempuan *Ahli Kitab*. Sebab bagaimanapun juga perempuan-perempuan tersebut senantiasa membawa pemahaman-pemahaman agama mereka yang bertentangan dengan agama Islam.

Di sini *maslahah* yang menjadi tujuan diharuskan lelaki Muslim berkahwin dengan perempuan *ahl al-kitab* telah berubah menjadi mudarat. Pada saat itulah, beliau memutuskan untuk mengorbankan sebahagian kehendak dan kepentingan individu demi kepentingan yang lebih besar lagi iaitu untuk menghindarkan masyarakat dari bahaya besar yang dapat mengancam agama mereka. (Biltaj 1970)

## Kesimpulan

Umar adalah seorang sahabat terdekat dan setia kepada Rasulullah. Kecerdasannya dalam berfikir dan memahami syari'at Islam diakui sendiri oleh Nabi Sallahu alaihi wasallam. Umar melakukan ijtihad seperti halnya sahabat yang lain setelah meninggalnya Rasulullah. Ruang lingkup ijtihad Umar bin Khattab tentang hukum Islam yang berlaku dalam syariat pada waktu itu adalah ijtihad pada nas-nas khusus dan ijtihad terhadap permasalahan yang tidak terdapat dalam nas.

Terdapat banyak hasil ijtihad Umar di antaranya iaitu larangan perkahwinan dengan perempuan Ahli Kitab pada masanya, penghapusan pemberian hak zakat, penolakan Umar membagikan harta rampasan perang, penghentian hukuman potong tangan terhadap pencuri pada saat masa kekeringan. Dilihat dari hasil ijtihadnya, Umar tidak terpaku pada nas, namun ia melihat erti daripada nas dan menyesuaikannya dengan konteks yang terjadi pada masyarakat saat itu.

Dalam menetapkan keputusan pada permasalahan sosial, Umar terlebih dahulu mempertimbangkan kes-kes serupa pada masa Rasulullah berserta metode penyelesaiannya dalam konteks sejarah sosial, ini bererti Umar menggunakan metode *qiyyas*. Walaupun pada saat itu belum muncul istilah metode pengambilan hukum melalui *qiyyas*. Namun Umar telah mempraktikkannya. Dalam pengambilan keputusan, ia sering mengaitkannya dengan keadaan masyarakat dan waktu diturunkannya ayat tersebut, sehingga *maslahah* yang dihasilkan pun sesuai dengan jiwa Sunnah. Kerana pada dasarnya ijtihad Umar adalah untuk tujuan syariah dan kemaslahatan umat.

## Rujukan

- Abi Fadhil. 1988. *Masa 'il Imam Ahmad bin Hanbal*, Delhi: Dar al-'Ilmi.
- Abuddin Nata. 1999. *Metode Studi Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- al-Amidi, Ali bin Muhammad. 2003. *al-Ahkam fi Usul al-Ahkam*. Riyad: Dar al-Sami.
- Anas, Malik. 1415H. *al-Mudawwanah*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Arief Furchan, Agus Maimum. 2005. *Metode Pengkajian Mengenai Tokoh*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Asyraf Muhammad al-Wahsh. 2011. *Ksatria Islam yang Gagah Berani*. Jakarta: Gema Insani Press
- Biltaji, Muhammad Biltaji. 2010. *Manhaj Umar bin al-Khattab fi al-Tashri'*, Beirut: Dar al-Fikr
- al-Bukhari, Abu 'Abdillah bin Bardabah al-Ja'fi. 1422H. *Shahih Bukhari*. Juz. 9. Beirut: al-Mathba'ah al-Kubra al-Amiriyah.
- al-Ghazāli, Abu Hamid. 2004. *al-Mustasfa min Ilmi al-Usul*. al-Qahirah: Maktabah Dār al-Kutub al-Islāmiyyah)
- Hanbal, Abu bin Hanbal. 1994. *Ahkam Alul Malal Wa Riddah Minal Jami' li Masail Imam Ahmad bin Hanbal*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Ibn Asakir, Abu al-Qasim Ali bin Hasan. 1415H. *Tarikh Dimashq*, Bayut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hibban, Muhammad bin Ahmad. 2013. *Sahih Ibn Hibban*. Jil. 7 & 12. Ed. Ke-2. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.

- Ibn Manzur. 1423H. *Lisan al-'Arab*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abdullah bin Ahmad al-Hanbali. 1388H. *al-Mughni*. Al-Qahirah: Maktabah al-Qahirah.
- Ibrahim Mustafa. t.th. *Mu'jam al-Wasit*. al-Qahirah: Maktabah Islamiyyah.
- Mestika Zed. 2004. *Metode Pengkajian Kepustakaan*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- al-Naysaburi, Abu al-Husain Muslim Bin al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jil. 3 & 4. Beirut: Dar al-Ihya' al-Arabi.
- al-Qari, al-Mullah Ali. 1971. *al-Asrar al-Marfuah Fi al-Akhbar al-Mawduah*. Beirut: Dar al-Amanah.
- Shakir Mahmud. 1997. *al-Faruq Wa Usratuhu*. Lubnan: al-Maktab al-Islami.
- al-Shariahsyi. Muhammad bin Ahmad Shamsul Aimmah al-Hanafi. 1414H. *al-Mabsuth*, Beirut: Dar al-Ma'rifa.
- Tantawi, Muhammad Sayyid. 2008. *Konsep Ijtihad dalam Hukum Syariah*, Kuala Lumpur: Misas Advertising
- al-Tilmisani, 'Umar. 1985. *Shahid al-Mihrab Umar bin al-Khattab*. al-Qahirah: Dar al-Tawzi al-Islamiyyah.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 1976. *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh al-Islami*. Baghdad: Maktabah al-Quds al-Zuhayli, Wahbah. 2002. *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damshiq: Dar al-Fikr.